

1. Bagaimanakah masyarakat kerajaan Alam Melayu mempamerkan keintelektualan yang dimiliki mereka?

- ☐ A Penciptaan alatan
- ☐ B Kegiatan persuratan
- ☐ C Penubuhan universiti
- ☐ D Pencapaian peperiksaan

2. Pendeta berikut pernah datang ke Srivijaya dari China.

I-Tsing

Apakah tujuan kedatangannya?

- I Mempelajari bahasa Sanskrit
- II Menterjemah kitab agama Buddha
- III Membantu dalam pembinaan candi
- IV Melatih mubaligh menyebarkan agama

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

3. Apakah ciri-ciri keunikan warisan dalam beragama?

- I Sifat terbuka
- II Simbol penyatuan
- III Simbol kemakmuran
- IV Simbol keintelektualan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

4. Apakah tulisan dari India yang digunakan sebagai medium tulisan bahasa tempatan dan Sanskrit?

- ☐ A Tulisan Jawi
- ☐ B Tulisan Rumi
- ☐ C Tulisan Pegon
- ☐ D Tulisan Palava

5. Apakah kerajaan yang telah melantik golongan tentera untuk mengetuai pentadbiran kerajaan di Alam Melayu?

- ☐ A Kerajaan Angkor
- ☐ B Kerajaan Champa
- ☐ C Kerajaan Majapahit
- ☐ D Kerajaan Kedah Tua

6. Maklumat berikut berkaitan kepercayaan di Alam Melayu.

Kepercayaan bahawa setiap makhluk, hidupan dan tumbuhan memiliki roh atau semangat

Apakah kepercayaan yang boleh dikaitkan dengan maklumat tersebut?

- ☐ A Animisme
- ☐ B Politeisme
- ☐ C Dinamisme
- ☐ D Monoteisme

7. Gelaran berikut digunakan oleh raja kerajaan Alam Melayu.

- Raja di Gunung
- Maharaja di Pulau

Mengapakah gelaran tersebut digunakan?

- ☐ A Meluaskan wilayah taklukan
- ☐ B Mendapatkan pengiktirafan tuhan
- ☐ C Menerangkan asal-usul keturunan
- ☐ D Menggambarkan kebesaran kuasa

8. Siapakah antara raja yang memainkan peranan besar dalam perkembangan agama Buddha di Funan?

- ☐ A Jayavarman
- ☐ B Suryavarman
- ☐ C Fan Shih-man
- ☐ D Bhadravarman


9. Kedua-dua kawasan berikut terletak dalam kerajaan Alam Melayu.

- Oc Eo di Funan
- Palembang di Srivijaya

Apakah keistimewaan tempat tersebut?

- ☐ A Pusat keagamaan
- ☐ B Tanah yang subur
- ☐ C Laluan antarabangsa
- ☐ D Kaya dengan bahan mentah

10. Rajah berikut menunjukkan sistem tulisan di Alam Melayu.



Bagaimanakah tulisan tersebut berkembang dalam masyarakat?

- ☐ A Diajar di sekolah-sekolah
- ☐ B Mengadaptasi pengaruh luar
- ☐ C Menjadikannya tulisan rasmi
- ☐ D Digunakan dalam persuratan

11. Penerimaan agama Hindu dan Buddha dalam kalangan masyarakat Funan berlaku serentak. Penerimaan tersebut bermula pada _____.

- ☐ A abad pertama
☐ B abad kedua
☐ C abad ketiga
☐ D abad keempat

12. Tokoh berikut pernah dilantik oleh Dinasti X untuk berkhidmat di kerajaan Alam Melayu.

Wu Ping

Pilih padanan jawapan yang betul.

- ☐ A
- | Dinasti X | Kerajaan Alam Melayu |
|-----------|----------------------|
| Sung | Singhasari |
- ☐ B
- | Dinasti X | Kerajaan Alam Melayu |
|-----------|----------------------|
| Kushan | Gangga Nagara |
- ☐ C
- | Dinasti X | Kerajaan Alam Melayu |
|-----------|----------------------|
| Ming | Majapahit |
- ☐ D
- | Dinasti X | Kerajaan Alam Melayu |
|-----------|----------------------|
| Tang | Srivijaya |

13. Jadual berikut berkaitan dengan perkembangan agama di Kedah Tua.

Masa	Peristiwa
Abad ke-12	Tokoh X menganut agama Islam.

Tokoh X tersebut ialah _____.

- ☐ A Maharaja Derbar Raja I
☐ B Maharaja Derbar Raja II
☐ C Maharaja Derbar Raja III
☐ D Maharaja Derbar Raja IV

14. Apakah perubahan yang berlaku dalam sistem pemerintahan beraja setelah kedatangan Islam ke Alam Melayu?

- ☐ A Raja dianggap golongan suci
☐ B Konsep khalifah diperkenalkan
☐ C Undang-undang adat dihapuskan
☐ D Wanita diiktiraf sebagai pemerintah

15. Apakah maksud *hyang*?

- ☐ A Penyembahan banyak tuhan
☐ B Penyembahan terhadap dewa
☐ C penyembahan roh nenek moyang
☐ D Penyembahan terhadap semangat

16. Apakah masyarakat tempatan di negara kita yang terlibat dengan sambutan upacara _____?

Menyiapkan makanan korban (*miring*)

- ☐ A Etnik Kadazandusun
- ☐ B Etnik Bidayuh
- ☐ C Etnik Temuan
- ☐ D Etnik Iban

17. Mengapakah upacara pemujaan tanaman dilakukan oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu?

- ☐ A Mengelakkan ditimpa bencana alam
- ☐ B Menghalau serangan serangga perosak
- ☐ C Memperoleh hasil tanaman yang banyak
- ☐ D Mendoakan cuaca baik sepanjang musim

18. Jadual berikut merujuk kepada pentadbiran di Majapahit.

Tokoh	Jawatan
Wu Ping	Wakil tetap kerajaan Ming
Gan Eng Chou	Ketua kaum Cina di Tuban

Maklumat yang diberikan dalam jadual tersebut dikaitkan dengan

- ☐ A sikap terbuka pemerintah
- ☐ B agama Islam tersebar luas
- ☐ C jalinan hubungan diplomatik
- ☐ D perkembangan perdagangan

19. Candi berikut telah dibina oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu.

Candi Prambanan

Candi tersebut terletak di _____.

- ☐ A Jawa Barat
- ☐ B Jawa Tengah
- ☐ C Utara Sumatera
- ☐ D Selatan Sumatera

20. Masjid berikut terletak dalam kerajaan Demak.



Masjid Demak

Apakah yang dapat disimpulkan daripada pembinaan masjid tersebut?

- ☐ A Agama Islam berkembang luas di Jawa
- ☐ B Kewujudan ramai artisan dalam kerajaan
- ☐ C Pengaruh agama Buddha dalam seni bina
- ☐ D Masyarakat mempunyai kemahiran seni bina